

TRANSKRIPSI SESI TEMURAMAH SEJARAH PENUBUHAN USIM

Tokoh: En. Idris b. Takyen
Jawatan: Pengarah Unit Teknologi Maklumat (2000 – 2006)
Pengarah Pusat Teknologi Maklumat PTM (2011 – kini)
Tarikh temuramah: 29 April 2008
Penemuramah: Harianti Husain (Pustakawan)

.....

En. Idris: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh saya ucapkan terima kasih kepada pihak universiti lah ye kerana sudi menemuramah sayalah bagi mencatat sedikit sejarah yang adalah pada saya sepanjang saya berkhidmat di USIM lah mulai awalnya, jadi bagi sayalah pembabitan saya di USIM ini secara tak langsung sebenarnya saya dihubungi oleh pendaftar Tuan Haji Addenan waktu itu untuk membantu lah pihak USIM pada waktu itu KUIIM aa membuat pengambilan pelajar sulunglah jadi saya sebagai pegawai jadi bahagian operasi aa pusat komputer UKM pada waktu itu memanglah bertanggungjawab atas urusan-urusan kemasukan pelajar di UKM jadi dengan pengalaman itu mungkinlah pihak KUIIM pada waktu itu cuba mendapatkan bantuan UKM lah jadi saya secara ikhlasnya lah kita membantu lah rakan IPTA yang baru ini jadi saya dah diminta oleh pendaftar sendiri memikirkan macam mana cara yang paling mudah lah untuk membuat pemilihan lebih kurang 250 pelajar yang diminta oleh pihak kementerian pada waktu itu jadi saya telah membantu lah pihak KUIIM pada waktu itu dan masih dalam beberapa siri

perbincangan seingat saya dalam bulan april ye dah nak dibuat pemilihan tu jadi pihak USIM atau KUIM pada waktu itu masih lagi sedang berusaha lah untuk melengkapkan senarai daftar aa pelajar nya dan saya telah mencadangkan lah kepada pihak pendaftar supaya dibuat sedikit lah ye persiapan pangkalan data pelajar ye jadi disitulah bermulanya saya terbabit lah secara tak langsung pada waktu itu tidak menjangka juga lah untuk bersama dengan USIM kemudiannya tapi hasil daripada beberapa siri perbincangan sebelah petang lah saya tidak boleh berkhidmat sepenuh masa pada waktu itu jadi sebelah petangnya kami lah pada waktu itu saya, tuan haji dan juga puan bendahari lah dan juga pihak pengurusan KUIM pada waktu itu sama-sama lah berbincang di aras saya ingat pada masa itu di aras 5 eh bangunan FPI eh. Itu satu sejarah lah saya rasa semua orang kena tahu bahawa ada lah menduduki bangunan pengajian islam UKM dan seingat saya suasana pada waktu itu memang saya rasa amat nostalgia lah kerana waktu itu Dato' Naib Canselor sendiri dia ada eh waktu itu Dato' Rektor lah Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor dan juga TNC jugalah ada waktu itu TNC pada waktu itu sorang saja iaitu sekarang ini yang berhormatlah Yang Berhormat Dato' Dr. Abdullah Muhammad Zin lah ee bersama dengan Tuan Haji Addenan Pendaftar dan juga Puan Bendahari ye Puan Rohani Abu dan seingat saya ada dua lah kakitangan pengkeranian waktu itu ada tiga lah seingat saya mungkin kalau tak silap saya lah dan seingat saya memang ada lah beberapa contohnya En. Fairuz eh, Cik Hermawati dan juga Cik Azreen seingat saya kakitangan bendahari jadi bersama-sama lah memikirkan macam mana cara untuk melengkapkan data apa ni pelajar baru dan juga membincangkan format pangkalan data yang

ringkaslah tapi hasil perbincangan itu minta saya melihat macam mana dapat membantu urusan pendaftaran seterusnya lah pada hari pendaftaran yang dirancang pada waktu itu adalah pada seingat saya pada 16 Jun tahun 2000 lah dimana lebih kurang dua ribu eh dua ratus lima puluh lima pelajar telah terpilih untuk memasuki USIM atau KUIM pada waktu itu jadi bermula daripada situlah saya rasa saya terbabit secara tak langsung.

Harianti: Pada masa itu En. Idris masih berkhidmat bersama UKM lah so bila yang betul-betul En. Idris melapor diri sebagai staf KUIM?

En. Idris: Saya pada 1 haribulan Ogos Tahun 2000 telah dilantik lah sebagai pengarah unit teknologi maklumat lah sebelum itu bermakna saya membantu KUIM atau USIM atas dasar inilah kerjasama antara universiti lah dimana pihak USIM telah mendapat ini lah apa ni kebenaran lah untuk mendapat perkhidmatan saya lah daripada pihak UKM lah dan saya pada masa itu telah pun bertugas lah di KUIM secara sementara ataupun secara apa ni separa masa lah dimana sebelah petang saya hadir di KUIM pada waktu itu di kampus cawangan di Bangunan Institut Profesional Baitulmal IPB di Jalan Perkasa Kampung Pandan jadi seingat saya masa proses hari pendaftaran pun saya bersama lah dengan USIM sebagai apa ni waktu tu apa ni orang yang membantu saja lah tapi pada 1 haribulan Ogos lah saya mula tugas sepenuh masa lah telah mendapat persetujuan UKM untuk memindahkan perkhidmatan saya untuk ke KUIM pada waktu itu.

Harianti: Berapa lama En. Idris ye tempoh bertugas separuh masa?

En. Idris: Lebih kurang daripada bulan April tersebut itu lebih kurang tiga bulan lah saya rasa.

Harianti: Ok En. Idris sebagai pengarah pertama bahagian IT di KUIM boleh En. Idris kongsikan pengalaman sewaktu menyandang jawatan tersebut?

En. Idris: Ya..saya rasa pada hari pertama saya menjawat itu memang lah saya dah berfikir panjang lah pasal ini adalah universiti yang baru mendokong wadah baru kerajaan untuk membolehkan aa pelajar-pelajar aliran agama itu berkursus atau membuat pengajian dalam pelbagai bidang ye jadi saya rasa usaha ini sesuatu yang menarik lah dan bila saya menerima jawatan ini saya dapati perkara pertama saya rasa untuk menyediakan sistem maklumat untuk pihak pengurusan dan kemudahan-kemudahan asas sebagai alat pengajaran lah contohnya makmal dan rangkaian internet lah dan seingat saya lah di USIM ini di peringkat awal kita menggunakan talian paling asas lah pada waktu itu dalam sistem GITN lah kita berhubung dengan GITN untuk mendapatkan bekalan internet ye dan kita pun mengadakan sistem laman web ye untuk memperkenalkan USIM kepada masyarakat umum sementara awal lah yang saya ambil tindakan dan mengadakan makmal seingat saya pada tahun pertama pun kita telah ada pengajian pengenalan kepada IT jadi keperluan makmal itu amat mendesak jadi tugas utama saya menyediakan sebuah makmal lah yang kita namakan makmal komputer aa seingat saya kita namakan I-net lah ada siri makmal ni sebenarnya kalau ikut sejarahnya ada I-net ada, I-kom, I-web dan sebagainya lah kita perkenalkan untuk kemudahan

pelajar jadi itu antara yang awal lah jadinya saya rasa pihak pengurusan amat memerlukan pangkalan data lah jadi seawalnya kita telah menyediakan sistem maklumat aa akademik pelajar, sistem maklumat kakitangan sistem gaji dan juga akhirnya kita kemaskan lah dari masa ke semasa sistem ini.

Harianti:

Ok En. Idris, boleh tak En. Idris terangkan fungsi-fungsi yang En. Idris jalankan diperingkat awal sampai sekarang.

En. Idris:

Ya..jadi sebagai pengarah waktu itu lah sekarang kita lihat apa ni pihak IT telah dinaik taraf kepada pusat pengurusan ilmu dan teknologi maklumat dan pada waktu awalnya dulu dikenali sebagai unit teknologi maklumat jadi unit ini amat kecil lah sebenarnya pada peringkat awal ada saya sebagai pengarah ada tiga orang pada tahun pertama itu seorang pegawai teknologi maklumat Pn. Khatijah ye, Shamli dan juga aa penolong pegawai teknologi maklumat lah iaitu Pn. Noraini ye sebenarnya pada waktu itu dan juga En. Abdul Razif lah En. Mohd Razif ye Mohd Razali ye jadi disitu kita lihat fungsi-fungsi lah. Fungsi utama adalah fungsi sistem maklumat universiti lah yang mana kita pada waktu itu mengadakan rancangan pelan jangka pendek lah untuk tiga tahun sistem maklumat universiti dan juga kita mengadakan kemudahan-kemudahan ICT untuk pengajaran lah dua perkara yang kita utamakan lah aa dan pada waktu itu memang ringkas lah ye tapi fungsi-fungsi ini berkembang dari semasa ke semasa lah kerana sekarang pun yang kita maklum aa Unit Teknologi Maklumat ataupun PPITM kini telah menjalankan pelbagai fungsi lah ye yang lainnya kita lihat fungsi yang berkembang adalah fungsi pengurusan rangkaian kampus walaupun bermula dengan

yang mudah dari tahun ke tahun maknanya kita tingkatkan lah kerana dari IPB sebenarnya USIM atau KUIM telah berpindah ke bangunan menara A ye aa Pandan Indah ye maknanya disitu rangkaian telah berkembang lah kepada yang mudah kepada yang lebih kompleks dan kita menggunakan perkhidmatan TMnet pada waktu itu ye dengan kepada kapasiti yang telah ditingkatkan kepada aa 2 Meg yeh kelajuannya dan bilangan rangkaian pun bertambah daripada 100 di IPB menjadi kepada 500 dan akhirnya sebelum berpindah ke kampus tetap meningkat kepada hampir 1000 lah jadi disitu saya rasa pengurusan rangkaian menjadi asas juga lah kepada perkhidmatan dan yang lain-lain saya rasa sistem maklumat lah sistem maklumat terus berkembang ye dimana USIM telah bekerjasama dengan ini lah beberapa syarikat untuk menyediakan sistem maklumat pengurusan pelajar contohnya sistem kewangan universiti dan juga sistem aa pengurusan personel ataupun sistem maklumat kakitangan menggunakan sistem SYSPEN lah pada waktu awalnya. SYSPEN adalah sistem yang dibekalkan oleh pihak JPA lah dengan sistem itulah mana kita dapat membuat beberapa aktiviti lah dibawah sistem maklumat kakitangan seperti permohonan cuti online dan juga pemprosesan gaji lah kakitangan bersama dengan Unit Kewangan lah iaitu Unit Bendahari sendiri itu adalah fungsi-fungsi awal lah yang saya rasa hingga sekarang pun masih berjalan lah tapi dengan adanya PPITM banyak fungsi-fungsi baru ye yang dibuka ye sekarang ni.

Harianti:

Ok, selain daripada tiga orang staf terawal tadi, En. Razif, Pn. Khatijah dan juga Pn. Noraini, aa selepas En. Idris jadi pengarah Unit Teknologi Maklumat aa bagaimana En. Idris membuat pemilihan kakitangan diperingkat awal, dan

bagaimana jabatan ini beroperasi dengan jumlah kakitangan yang kecil?

En. Idris:

Itu menjadi cabaran lah bagi organisasi yang berkembang saya dah biasa sebenarnya kerja dalam suasana baru kerana di UKM pun saya bermula daripada 6 orang juga ye dan saya dah kebiasaan lah berada dalam 'environment' ataupun persekitaran pejabat yang baru lah, jadi benda ini tidak menjadi asing bagi saya lah bekerja dalam suasana baru ni memang lah banyak cabaran jadi staf perlu dilihat lah dari semasa ke semasa dimana seingat saya lah dari semasa ke semasa pihak pengurusan memang lah memberi kita tambahan kakitangan jadi antara langkah kita adalah untuk menambah lah bilangan kakitangan teknikal lah terutama sekali yang berkaitan dengan pengajaran seperti juruteknik dan seingat saya kita mendapat juruteknik seawal pada tahun pertama juga lah dan bilangan juruteknik dari semasa ke semasa bertambah lah jumlahnya mengikut bilangan makmal lah daripada satu makmal sekarang kita telah ada lebih kurang seingat saya ada lima belas makmal komputer lah tak termasuk makmal lain lah yang dibawah program komunikasi tidak ye, yang dibawah IT sahaja lebih kurang lima belas makmal dan kita lihat ini adalah satu perkara penting lah dalam universiti ini iaitu kakitangan teknikal sokongan ye dalam member perkhidmatan dan pembelajaran dan disitu kita cuba meningkatkan kemahiran kakitangan, saya rasa dari segi strategi pemilihan kita melihat kakitangan yang sesuai lah dengan keperluan kita iaitu dalam suasana kita universiti berteraskan islam tentunya saya lihat kakitangan yang kita pilih perlulah mempunyai latarbelakang sekurang-kurangnya berasaskan islam lah sekolah agama ataupun pengajian bahasa arab lah, itu

salah satu yang saya lihat lah walaupun asasnya mereka perlu lulus lah segala peperiksaan yang diwajibkan tapi masa peringkat awal kita lihat itu menjadi ciri lah pemilihan kakitangan yang saya buat lah 'in fact' bagi pegawai-pegawai teknologi maklumat jugaklah ada keutamaan juga lah kalau kita ada aa kakitangan berlatar belakang pengajian islam atau bahasa arab kita sepatut memberi kelebihan lah kerana USIM atau KUIIM ditubuhkan untuk sebenarnya memberi perkhimatan dalam persekitaran bahasa arab dan bahasa inggeris sebenarnya kerana kita sepatutnya pada masa akan datang lebih memberi keutamaan kepada peringkat sarjana dan juga Phd dimana diharapkan akan ada pelajar-pelajar dari luar negara peringkat antarabangsa disitu kita perlu bersedia dengan kakitangan yang dapat memberi perkhidmatan dalam pelbagai bahasa.

Harianti: 'So' maksud En. Idris pada peringkat awal tu memang 'priority' memang En. Idris cari juruteknik dululah baru pegawai-pegawai IT lah?

En. Idris: Ya, juruteknik dan juga pegawai-pegawai lah IT untuk tujuan perkhidmatan di universiti kerana asas perkhidmatan universiti tu dua lah iaitu sistem maklumat universiti dan juga perkhidmatan pembelajaran pengajaran iaitu untuk kebbaikannya kalau IT ini 'rather to' berkaitan dengan makmal lah pengajaran lah.

Harianti: Ok boleh En. Idris ceritakan dengan lebih mendalam sedikit mengenai usaha-usaha pembangunan ICT pada peringkat awal penubuhan serta perkembangannya sehingga kini.

En. Idris:

Saya rasa usaha peringkat awal yang seingat saya lah bahawa universiti menyediakan satu pelan lah pelan hala tuju universiti dan juga pelan pembangunan saya ada dokumen lah yang dinamakan dokumen pelan pembangunan KUIM walaupun agak nipis tapi saya rasa ini persembahan yang pertama oleh Dato' Naib Canselor kepada kementerian masa itu kementerian pendidikan Malaysia lah yang bertarikh 20 Ogos 2000 jadi dalam pelan ini kalau kita lihat banyak dibincangkan lah salah satu yang dibincang ialah pelan IT lah jadi saya pun diminta untuk menyediakan pelan jangka pendek lah yang seingat saya itu satu langkah awal lah dimana saya telah menyediakan pelan pendek dan diminta juga menyediakan jangka panjang lah jadi pelan jangka panjang tu saya dapat buat selepas aaa tahun 2000 di mana satu jawatankuasa telah ditubuhkan untuk melihat lebih terperinci lah kerana dengan pelan jangka pendek itu kita dapat bajet tahunan, bajet mengurus lah dan dengan pelan jangka panjang kita berusaha untuk mendapatkan bajet khas lah aaa untuk Rancangan Malaysia Kelapan pada waktu itu bagi melaksanakan pelbagai program atau projek ICT lah jadi itu dua langkah utama yang saya buat strategi pada waktu itu dan akhirnya kita berjaya lah saya rasa dalam usaha itu dengan usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak pengurusan kita dapat juga lah sedikit sebanyak saya rasa tiap-tiap tahun saya rasa universiti membelanjakan tidak kurang daripada satu juta selama tiga tahun lah untuk menyediakan pelbagai kemudahan infrastruktur asas pada waktu itu makmal dan terutamanya sistem maklumat yang penting pada waktu itu untuk kegunaan warga universiti jadi itu peringkat awal lah. So, yang lain strategi lain yang saya rasa untuk sistem-sistem maklumat ni kita ada tenaga yang

besar jadi kita banyak memilih cara yang lebih...lebih ekonomikal lah iaitu contohnya kita memperolehi sistem maklumat pengurusan pelajar daripada sebuah syarikat yang ada pengalaman berasaskan sistem maklumat yang dibangunkan untuk Universiti Malaya lah seingat saya kemudian kita juga memilih sistem kewangan berasaskan perisian UBS yang memang agak murah walaupun kita faham lah ada banyak kekurangan ya tapi itulah jalan yang mudah lah pada peringkat awal dan juga sistem aaa maklumat personnel berasaskan sistem SISPEN yang dibekalkan oleh JPA pada peringkat awalnya itu strategi awal lah. Dari segi aaa akhirnya kita memanglah bila saja pelan rancangan jangka panjang dilaksanakan USIM telah mendapat peruntukan khas lah dan disini kita memperuntukan berapa projek lah yang yang agak apa ni besar lah iaitu membina sistem maklumat universiti bersepadu lah dan strateginya adalah ber apa bekerjasama dengan IPTA yang telah ada pengalaman lah dan USIM telah memilih saya rasa UUM lah sebagai rakan kongsi kita dalam melaksanakan projek sistem maklumat universiti. Itu menjadi sejarah saya rasa lah kita telah ada MOU di peringkat antara universiti-universiti dan juga perjanjian lah kerjasama untuk membangunkan sistem maklumat universiti.

Harianti: Bila agaknya kerjasama tu terjalin dan kenapa UUM dipilih untuk projek ini?

En. Idris: Jadi dari segi sistem maklumat universiti ni kita membuat pemerhatian yang panjang juga lah daripada tahun 2000 hingga 2003 ya kita telah membuat lawatan, siri lawatan ke seingat saya ke UTM Skudai ye, ke USM ye, UUM. Kita juga melihat UIA juga sebagai rakan awal kita untuk berkongsi

pengalaman ye dan UKM lah tentunya lah dan kebanyakan staf UKM eh staf USIM ni berasal dari UKM kita melihat juga disana dan hasil daripada tinjauan dan lawatan, siri lawatan ni kita telah menyediakan laporan lah bersama dengan waktu itu syarikat perundingan kita lah ada bersama jadi kita menyediakan satu laporan untuk menentukan acauan rakan pengurusan pintar yang kita namakan rakan pengurusan pintar lah pada waktu itu. Dengan adanya laporan itu kita telah pun apa ni membuat ni lah cadangan lah pada pihak pengurusan lah untuk menjalin kerjasama dengan UUM. Saya rasa peringkat awalnya kita telah bincang pada awal tahun 2004 dan hanya pada satu ataupun satu haribulan Julai 2004 baru kita memulakan projek pengurusan pintar ni bersama UUM dan perjanjian secara rasmi di tandatangani pada kalau tak silap saya la tak...tak ada dokumen disini pada awal bulan Oktober tahun 2004 lah dan perjanjian ini meliputi tempoh selama dua tahun lah jadi disitulah bermula nya apa yang kita dapat pada hari inilah sistem maklumat universiti, fasa satu lah yang kita namakan.

Harianti: Untuk fasa seterusnya macam mana En. Idris?

En. Idris Takyan : Dalam usaha tu banyak lah kita apa ni bincang dengan UUM dan kita fahamlah bahawa untuk melaksanakan sesuatu projek yang besar ya kita perlukan apa ni komitmen la saya rasa jadi kita telah mengadakan fasa satu dulu dengan bajet yang terhad lah sebab itu kita mulakan fasa satu dan tujuh aplikasi telah di dibekalkan oleh pihak UUM lah dan dari situ maknanya kita melaksanakan fasa satu tapi fasa dua sebenarnya perkara yang sedang kita rancang sekaranglah kerana kita fahamlah dengan adanya apa ni acauan perubahan kepada apa ni organisasi yang besar sekarang ni

USIM ye banyak fungsi-fungsi baru boleh kita lihatlah dalam smu fasa dua ni kita aaa akan laksanakan dalam masa terdekat ni lah kita ada lagi lebih kurang tiga tahun untuk rancangan Malaysia Kesembilan jadi ada sebahagian masa dan bajet akan diperuntukkan lah untuk melihat aaa apa ni aaa keperluan sistem maklumat universiti yang lebih luas lah antaranya kita sedang melihat sistem maklumat aaa pengurusan universiti secara total lah dan juga sistem pengurusan fasiliti kerana ini dua benda yang kita sedang lihat sekarang dalam fasa dua. Bila kita sebut tentang sistem pengurusan universiti ni sepatutnya kita melihat universiti secara keseluruhannya lah seperti di war-warkan oleh pihak pengurusan bahawa kita perlu memantau banyak kerja-kerja dalam universiti ini jadi sistem maklumat patutnya membantu lah membantu pihak pengurusan dalam pemantauan kerja dan akhirnya menunjukkan status atau pun apa ni aaa petunjuk-petunjuk prestasi lah, KPI pada pihak pengurusan lah dan ini sepatutnya kita gerakan sekaranglah, sistem maklumat universiti fasa dua.

Harianti:

Untuk yang apa encik ada sebutkan tadi pengurusan pintar ni, buat kerjasama dengan IPTA lain adakah akan diadakan menjalinkan kerjasama lagi dengan UUM atau pun akan dipilih IPTA yang lain?

En. Idris:

Dalam fasa dua ni kita terbuka lah kita ikatan dengan UUM setakat fasa satu sajalah, fasa dua maknanya kita boleh ye menjalin mana-mana hubungan dengan pihak lain dan juga kita melihat konsep-konsep barulah seperti 'outsourcing' ataupun 'penyumberan' luar, 'penyumberan' luar ni maknanya kita melihat syarikat juga lah yang boleh menjadi rakan kepada kita lah dalam membekalkan aplikasi atau

sistem maklumat yang kita perlukan lah jadi kita tak mengehendkan IPTA tapi dalam keadaan sekarang maknanya antara IPTA pun kita ada menyediakan pelan untuk bersama-sama sebenarnya. Pelan induk ini sebagai garis panduan kepada IPTA yang kecil macam USIM ni mengambil pengalaman dan juga apa ni iktibar dari universiti lain yang telah pun lama dalam dalam perkhidmatan apa ni sebagai sebuah universiti. Jadi disitu kita boleh apa kekurangan USIM lah dan kita boleh menggunakan apa pengalaman universiti lain dalam merancang sistem maklumat jadi saya rasa dengan adanya perancangan bersama tu antara IPTA banyak membantu lah USIM mengenal pasti aplikasi-aplikasi yang baru lah yang boleh kita bangun bersama dengan IPTA yang lain mungkin. Setakat ini yang kita telah buat adalah kita telah membuat jalinan dengan OUM ye dan beberapa universiti lain lah yang menggunakan sistem maklumat yang sama dalam memberikan perkhidmatan aaa pembelajaran secara elektronik ataupun e-pembelajaran lah. Jadi dengan adanya kerjasama ni kita ataupun USIM akan dapat kepakaran daripada OUM atau pun Universiti Terbuka Malaysia bagi membolehkan aaa para-para pelajar di USIM dan juga ahli akademik ye menggunakan saluran elektronik lah dalam menyampaikan bahan-bahan aaa pembelajaran pengajaran mungkin tidak sampai ke tahap kita mengadakan sistem aaa pembelajaran aaa elektronik secara total tapi sekurang-kurangnya lah ada hubungan antara pelajar dan pensyarah boleh dibuat secara kolaborasi melalui internet dan juga rangkaian kampus dan disitu maknanya kita lihat apa dalam fasa dua ni lah pembangunan ataupun pembangunan ICT ni memang kita

dah mula beberapa langkah salah satunya yang saya sebut tadi lah.

Harianti: Jika kita berbalik kepada sejarah-sejarah awal boleh tak En.Idris terangkan antara mungkin projek-projek terbesar atau projek mega diperingkat awal KUIIM dalam penubuhan sistem-sistem atau rangkaian diaplikasikan secara total?

En. Idris: Yang terawal yang saya ingat nak kata mega tidaklah tapi rasa USIM memang saya rasa telah menunjukkan komitmen pada penggunaan ICT lah diperingkat awal lagi kerana Dato' VC sendiri ataupun Dato' Rektor pada waktu itu minta kita menyediakan sistem kad pelajar ya pada awal lagi jadi USIM telah mulakan sistem pengenalan kad pelajar menggunakan 'barcode' ye contohnya pada peringkat awal dimana kita cuba menyediakan sistem dan komitmen diri kita adalah pada hari pendaftaran kita memberikan kad pelajar itu merupakan satu usaha awal lah. Begitu juga kita ada kan sistem kemasukan markah secara online oleh pensyarah-pensyarah dari awal lagi penubuhan USIM kita telah berusaha lah untuk menyediakan kemudahan secara online lah begitu juga permohonan cuti secara online itu antara awal kita rasa apa yang telah dilaksanakan oleh USIM lah ye dan kemudian diikuti jugalah dengan adanya projek sistem maklumat universiti fasa dua pelbagai usaha telah dibuat untuk memastikan perkhidmatan secara online dibekalkan pada pensyarah dan juga pelajar antaranya adalah permohonan cuti yang diperbaiki dan kita akhirnya ada juga projek yang agak besar iaitu sistem myAKRAB iaitu sistem kehadiran eh sistem rekod kedatangan kakitangan secara aaa menggunakan teknologi biometrik dan cap jari ini salah satu usaha pihak pengurusan untuk meningkatkan

kecekapan perkhidmatan di universiti dan saya rasa kita antara organisasi yang yang apa ni yang awal lah menggunakan teknologi ini dan kita sampai sekarang lah masih menggunakan sistem ini dan saya rasa ini antara projek-projek yang besarlah dan yang lain saya rasa kita ada juga perkhidmatan-perkhidmatan yang pada waktu ni memang lah telah kita lihat di universiti ni berkembang dengan adanya fakulti ataupun program komunikasi ye tapi peringkat awal USIM pun tidak ketinggalan lah dalam membina apa ni perkhidmatan multimedia kerana pada waktu itu dengan adanya unit IT kita memfokus juga lah memberi perkhidmatan multimedia kepada universiti dan beberapa siri video telah dibuat lah untuk membuat promosi, bahan-bahan promosi USIM. Ini juga komitmen universiti lah menggunakan apa ni perkhidmatan multimedia. Ya, kebanyakannya adalah untuk tujuan-tujuan promosi universiti lah di peringkat antarabangsa dan juga tempatan.

Harianti:

OK En.Idris, bila kita nak 'set up' sesuatu benda yang baru tu so mesti dia ada cabaran ataupun kekangan-kekangan sama ada dalaman ataupun luaran boleh tak En. Idris terangkan antara cabaran atau kekangan yang hadir sewaktu En. Idris nak buat benda-benda yang En.Idris sebutkan tadi?

En. Idris:

Saya rasa cabaran yang yang biasalah dalam IT adalah untuk melihat teknologi semasa lah maknanya kita lihat teknologi yang ada di pasaran ye maknanya pelbagai ye jadi kita cuba mengenal pasti teknologi yang sesuai untuk kita, itu satu cabaran untuk kita lah kerana dalam kita memilih teknologi teknologi, banyak teknologi yang kita apa ni mungkin yang lebih baik ada di dalam pasaran jadi untuk

mendapat maklumat ni agak terhad lah jadi ini satu kita menggunakan kepakaran perunding lah kita melantik perunding lah untuk mengenalpasti teknologi. Dan kita juga mendapat bantuan daripada IPT lain contohnya teknologi rangkaian kita menggunakan khidmat UKM sebenarnya sebagai perunding kita, bukan perunding lah, penasihat lah istilahnya penasihat kita apa ni telah ada perunding awal tapi masa memilih ataupun menyediakan aaa tender ye kita menggunakan pengalaman UKM lah membantu kita memilih teknologi lah. Yang lain saya rasa adalah rintangan untuk melihat bagaimana teknologi ini boleh digunakan oleh kakitangan USIM jadi rintangan ataupun cabarannya adalah meningkatkan kemahiran ataupun pengetahuan kakitangan itu sendiri dalam menggunakan alat-alat ini lah dan saya rasa ini antara yang terawal lah yang kita buat yang mana kakitangan dari unit teknologi maklumat ataupun sekarang ni PPITM diberikan latihan lah dari semasa ke semasa untuk menggunakan teknologi yang kita perolehi lah. Kekangan nya tentulah kewangan lah saya rasa kewangan adalah satu aspek kerana dalam suasana universiti yang baru banyak komitmen ataupun keperluan yang perlu di beri oleh pihak universiti untuk melengkapkan infrastuktur sesebuah universiti jadi kita IT memanglah diberi keutamaan diperingkat fasa satu kita dibekalkan dengan diberi peruntukan sejumlah lebih kurang 14 juta ye bajet untuk membolehkan kita menyediakan infrastruktur asas ataupun ICT ye pada fasa satu jadi kekangan kewangan ni satu kita atasi dengan cara kita berhemah lah membuat senarai keutamaan dan melaksanakan program yang pentinglah.

Harianti:

Ok mmm dalam banyak-banyak projek ni encik rasa apa projek yang paling banyak aaa memerlukan bajet dengan sumber kewangan?

En. Idris:

Secara umumnya boleh dikatakan sistem aaa no bajet bajet aaa ICT ni banyak kearah penyediaan infrastruktur lah infrastruktur ni adalah rangkaian lah terutama sekali rangkaian merupakan satu keperluan yang utama lah bagi membolehkan sekarang ni lebih kurang 2500 pc dirangkaian dan di hubung ke internet lah jadi rangkaian merupakan satu daripada projek yang memerlukan budget yang besar lah. Tapi USIM bernasib baik lah kerana kita berada di dalam era dimana aaa teknologi rangkaian telah berkembang dan teknologi yang dinamakan *ten gigabite* ye telah apa telah ada jadi kita terus saja mendapat teknologi yang terkini juga lah dan kos dia agak aaa agak kospektif berbanding kalau kita melaksanakan projek iaitu pada awal tahun 2000 kerana kita terlewat sedikit bermakna kita ada kelebihan lah mendapat apa emm teknologi terkini dan juga harga yang agak kompetitif lah berbanding rakan-rakan kita yang melaksakan lebih awal begitu juga emm kita tengok yang kedua adalah keperluan-keperluan pengajaran tadi lah kita aaa membelanjakan banyak aaa untuk menyediakan makmal-makmal yang saya sebut tadi lah eh, boleh dikatakan setiap tahun kita menambah ya kerana kita belum mencapai aaa kadar atau pun *ratio* ya 1 pc untuk 4 pelajar dan pada waktu ini USIM masih lagi pada tahap 1 pc untuk 7 pelajar dan dari masa ke semasa tentu kita akan melihat lah supaya perkara ini aaa apa di penuhi lah yang lain adalah menyediakan infrustruktur rangkaian *wireless* yang sekarang menjadi perkara yang mesti lah juga eh, membolehkan pelajar-pelajar mengakses apa ni rangkaian

melalui note book dan juga telefon bimbit ya membolehkan mencapai maklumat universiti atau maklumat e-pembelajaran secara *wireless* jadi melibatkan hampir lebih kurang boleh dikatakan 40% daripada kos 50% daripada bajet ICT.

Harianti: Setakat ini, apakah pembangunan atau projek yang masih belum dapat dilaksanakan lagi?

En. Idris: Saya tengok dari fasa satu kita memanglah kita agak agak agak apa terhad bajet tapi kita berjaya melaksanakan sebahagian lah saya kata tadi perkara yang tidak dapat dilaksanakan setakat ini saya rasa lebih kepada apa nih melengkapkan sistem maklumat bagi universiti secara keseluruhannya lah ya. Itu yang saya rasa yang belum kita dapat laksanakan tetapi kita dapat laksanakan sebahagian lah yang lainnya adalah kita juga dapat melaksanakan sebahagian sistem keselamatan kampus iaitu melibatkan sistem CCTV dan juga aaa kawalan pintu dan ini saya rasa perlu di perluaskan kepada orang baru jadi ini yang kita rasa dalam fasa 2 bajet aaa ICT ni perlu diadakan lah ya kerana dengan kekangan bajet tadi kita tidak dapat melaksanakan secara sepenuhnya lah dalam fasa dua ini contohnya kita tidak ada bajet khas untuk melengkapkan sistem CCTV untuk bangunan baru seperti bangunan HEP, bangunan FEM, dan bangunan FPQS, Pusat Komersial, Dataran Selera dan ini perlu dibincangkan lah di peringkat universiti dan saya rasa keseluruhannya yang lain adalah melihat penubuhan Pusat Data sedang kita rancang sekarang Pusat Data dimana dengan adanya Pusat Data ini dapat menguruskan aaaa dan menjamin keselamatan data yang makin bertambah

sekarang ini iaitu satu daripada yang kita yang penting sekarang ini pengurusan Pusat Data.

Harianti: Apakah pembaharuan yang sedang dan akan dibuat oleh Bahagian Teknologi Maklumat untuk mempertingkatkan kualiti dari segi pengurusan dan pembangunan mahupun kebajikan kakitangan?

En. Idris: Saya rasa untuk itu sebenarnya rancangan menaik taraf Unit Teknologi Maklumat ke Pusat yang pada waktu awalnya dinamakan Pusat errr Teknologi Maklumat dan Pendidikan saya rasa lah bukan lah nama yang sebenarnya sekarang ni tapi ada berbagai-bagai format telah dibincang pihak pengurusan tertinggi saya rasa jadi pada 1 haribulan Jun maknanya aaa Unit IT telah di naik taraf lah ya dan di gabung dengan Unit Penerbitan ya untuk ditubuhkan sebuah pusat yang dinamakan Pusat Ilmu dan Teknologi maklumat mungkin saya bukanlah orang yang patut menjawab soalan ini kerana saya tidak tahu apa mungkin hasrat universiti yang sebenarnya pada hari perubahannya la tapi saya itu sebahagian daripada rancangan universiti untuk melihat perkembangan pengurusan ilmu lah tapi bagi saya sendiri pada awalnya melihat keperluan IT mengurus juga teknologi pendidikan lah pada waktu tu ya. Teknologi Pendidikan ini adalah aaa perkara-perkara yang berkaitan dengan pengajaran tadilah tapi pengurusan ilmu perkara yang lebih besar lah iaitu yang sekarang dilaksanakan oleh pengarah ya untuk melaksanakan projek pengurusan pusat ilmu lah. Jadi pengurusan ilmu ini luas eh jadi kalau lihat kenapa bahagian itu dinamakan Bahagian Teknologi Maklumat dan juga Bahagian Pengurusan Ilmu saya rasa untuk memudahkan pengurusan lah adanya sebuah pusat

dua bahagian di tadbir oleh seorang pengarah dan dua timbalan pengarah jadi skopnya jelas lah dan bahagian teknologi maklumat di bawah saya masih lagi kekal hampir 90% tugas-tugas saya yang asal lah iaitu menguruskan rangkaian ya, pengurusan perkakasan untuk pentadbiran eh dan juga sistem aplikasi pentadbiran dan juga sistem aplikasi pelajar manakala Bahagian Pengurusan Ilmu lebih kepada menguruskan hal-hal tentang akademik dan pelajaran-pelajaran di samping saya rasa apa ni pengurusan multimedia dan web eh itu ada juga satu unit yang menguruskan multimedia dan web kerana saya terlupa nak sebut tadi bahawa USIM pada peringkat awal pun mungkin saya dah sebut tadi memang menggunakan apa ermm apa ni menggunakan teknologi web membuat penyebaran maklumat jadi kegunaan perkhidmatan ini memang makin penting lah dan saya rasa mudah di letakkan dibawah pengurusan ilmu kerana disitu ada ermm adanya kepakaran ya yang khusus untuk menguruskan *knowledge* dan *information* ataupun pengetahuan dan maklumat secara apa ni secara secara ini lah berintegrasi jadi saya rasa dari segi bahagian itu memang memudahkan pengurusan lah dan saya rasa kebanyakan universiti pun sekarang dan IPT lain pun ke arah menubuhkan tu ya aaa beberapa bahagian yang khusus ya dalam perkhidmatan lah dan saya rasa USIM pun akan berkembang lah kearah itu.

Harianti:

Boleh En. Idris terangkan dengan lebih mendalam lagi?

En. Idris:

Yang itu adalah yang tu saya sebut tadi kita tidak membuka fungsi secara terus apabila ada apa pertambahan staff kita buka lah fungsinya contohnya kita ada sekarang ini Unit Pengurusan Data yang saya sebut di awal tadi dengan

adanya staff baru kita berupaya lah membuka ermm aaa Unit Pengurusan Data yang melihat kepentingan data dan keselamatan data dan juga akhirnya melaksana beberapa projek yang mungkin apa ni boleh membantu universiti iaitu projek yang dinamakan aaa perlombongan dan juga pengudangan ataupun istilah inggerisnya *data wherehousing and data miding* dan yang ini akhirnya menjurus kepada sistem maklumat universiti lah ataupun sekarang ni orang banyak menceritakan tentang *business intelligent* atau BI ya dan ini dari segi teknikal nya lah dan saya rasa di peringkat universiti memang dah ada mungkin Unit Perancangan dan Strategik yang itu akan jadi komplimen kepada kita punya aaaa Unit Teknikal Unit Pengurusan Data ini lebih kepada perkhidmatan teknikal dan tentunya pihak universiti akan ke arah meng apa menggunakan data-data ni bagi perancangan stategik di masa depan dan kita kena bersedia dari sekarang lah mengumpulkan maklumat-maklumat daripada tahun 2000 hingga keadaan semasa sekarang lah dan mungkin juga memerlukan maklumat-maklumat di luar daripada universiti bagi tujuan perancangan dan strategik jadi itu komponen aaa baru yang ada di PPITM lah komponen lain saya rasa adalah unit aaa yang dinamakan Unit Inovasi Unit Intergrasi dan Inovasi jadi ini satu unit baru yang kita tubuhkan untuk membolehkan beberapa apa ni perkara di fikirkan secara holistik lah dengan adanya Unit Intergrasi ini maknanya beberapa teknologi yang baru mungkin perlu di gabungkan dalam memberi penyelesaian pada universiti jadi kita rasa perlunya ada satu unit yang boleh melihat perkara ini secara holistik lah jadi unit ini telah pun memulakan beberapa projek contohnya projek ini agak kecil tapi kita akan dapat diteruskan lah seperti sekarang ini kita ada sistem aaa apa ni

aaa pengurusan aaa graduan ya di UGRAD sistem aaa kita namakan sistem aaa juga e-undi, sistem kehadiran kakitangan aaaa semasa aktiviti universiti ya iaitu u-event dan sebagainya lah dimana beberapa teknologi dan juga beberapa sistem data ni akan di gabungkan dalam satu aplikasi dan ini akan di kembangkan juga lah ni dua perkara yang baru lah.

Harianti: Apakah perkara-perkara atau usaha yang En. Idris banggakan setakat ini?

En. Idris: Saya rasa bagi universiti-universiti lebih kurang sama lah tapi apa yang patut kita banggakan bahawa universiti ini mempunyai sistem emm bersepadu lah jadi Sistem Maklumat Bersepadu ya kesepaduan sistem ini walaupun dari peringkat saya rasa permulaan perlu kita bangga dengan sistem ini dan sistem yang kita ada ini membolehkan eh aaa apa ni ehem (batuk) berbagai perkhidmatan di jalankan dan aaaa mengurangkan kos juga lah ya dan juga masa rintangan ya tapi yang lainnya tentunya kita bangga sistem myAKRAB la walaupun ada masalah-masalah operasi dari masa ke semasa dan kita patut bangga dan satu lagi perkara yang kita ada adalah sistem saya tak sebut lebih awal lagi iaitu sistem aaa Pengurusan Fatwa Sedunia, Sistem FMS dimana sistem ini sebenarnya hasil daripada apa nih idea aaaa Tan Sri sendiri lah Tan Sri pengerusi LPU kita iaitu Tan Sri Dr. Yusof Nor ya dimana pada tahun 2000 dimana sebelum Persidangan OIC di jalankan di Malaysia Tan Sri telah mengatakan hasrat untuk menubuhkan INFAD la jadi satu daripada usaha itu adalah menyediakan Sistem Maklumat Fatwa ya FMS ya yang ni satu kebanggaan universiti USIM saya rasa memang telah terbukti lah bahawa sistem FMS ni

satu produk yang ada patutnya dikembangkan lah dan pada tahap kedua ini memang kita universiti memberi peruntukan-peruntukan lah untuk meningkatkan sistem FMS ini dan dengan ada sistem FMS bermakna USIM telah di kenali lah di peringkat ermm peringkat kebangsaan dan juga antarabangsa lah.

Harianti: Apa pendapat En. Idris tentang pemilihan Nilai sebagai lokasi kampus tetap USIM?

En. Idris: Saya saya berpendapatan berpendapat lah bahawa USIM telah memilih lokasi yang strategik lah saya rasa jadi pemilihan kampus amat penting lah saya rasa apa ni dengan adanya USIM di apa di Nilai ini bermakna telah membolehkan USIM mudah apa ni di di apa ni di hubungi lah eh bagi rangkaian jalan dan kemudahan yang ada saya rasa secara fizikalnya kampus kita walaupun agak kecil dari segi saiz tetapi dari segi perkembangannya saya rasa apa ni boleh dibanggakan lah dan cuma kita melihat balik daripada apa yang dihasratkan oleh pihak kerajaan dan mungkin pihak pengurusan pada peringkat awalnya supaya kampus ni lebih kepada mesra alam dan juga bercirikan aaa tamadun islam la sikit ya mungkin ya pastu mungkin pada pandangan berbeza tak apalah saya rasa ini lebih kepada bagaimana aaa arkitektur ataupun lanskap yang dibina lah iaitu mungkin ditekankan jugalah fizikal nya lah tapi dari segi kandungannya memang pihak Tan Sri apa ni dulu ada menyatakan bahawa hasrat beliau melihat kandungan lah bukannya secara fizikalnya lah jadi kita perlu juga melihat kandungan pada bangunan itu sendiri lah sebab itu kita lihat dalam dalam kandungan bangunan ini maknanya apa kemudahan yang ada lah secara fizikalnya dan juga secara

teknikalnya IT dan juga kemudahan-kemudahan lain lah dari segi AV ya atau Audio Visualnya selepas itu dengan adanya kemudahannya akan memberi pelbagai apa nih keselesaan kepada kakitangan lah dan juga warga USIM dan juga pelawat lah pengunjung-pengunjung.

Harianti: Apakah pembaharuan yang sedang dan akan dibuat oleh Bahagian Teknologi Maklumat aa untuk mempertingkatkan lagi kualiti dari segi pengurusan dan pembangunan unit ini.

En. Idris: Aspek kualiti satu yang penting dan saya tak nafilah bahawa apa nih dari segi menguruskan pelbagai perkhidmatan kita di hantui dengan audit dan juga apa ni aaaa apa ni politan dan juga ya lah apa penilaian oleh pihak-pihak luar dan juga pihak dalam universiti jadi komitmen la PPITM saya rasa jelas lah kita nak meningkatkan kualiti perkhidmatan kita dari segi strateginya tentulah kita perlu apa ni memberi apa ni kemahiran dan kepakaran kepada kakitangan kita lah. Itu asas saya rasa. Saya rasa tidak ada cara lainlah untuk meningkatkan kualiti memberi kemahiran dan kepakaran kepada kakitangan. Dengan ada kemahiran dan kepakaran baru kita boleh membuat penilaian dan apa juga apa audit untuk melihat sejauh mana pelaksanaan dijalankan lah. Tapi disamping itu kita faham lah dari segi apa usaha universiti untuk mendapatkan persijilan ISO kita memang sokong lah. Dari segi USIM sendiri telah melaksanakan ISO di peringkat aaa (batuk) peringkat bahagian peringkat jabatan tapi PPITM masa ni masih belum lagi eh memulakan projek ISO tapi di masa depan saya rasa memang seharusnya lah semestinya PPITM juga membuat apa ni aa persiapan ke arah persijilan ISO dan dibidang IT ni sebenarnya kita ada persijilan khas iaitu ISO 2770 sebenarnya itu persijilan yang

berasaskan perkhidmatan keselamatan dan jaminan data iaitu sepatutnya kita kearah itu lah. Yang ini yang di disarangkan oleh pihak MAMPU saya rasa persijilan aa kerana persijilan ISO 9000 ni lebih sesuai untuk persijilan untuk proses kerja itupun penting jugalah tapi dengan adanya persijilan yang yang saya kata tadi ISO 2770 ni memang sepatutnya lebih kearah perkhidmatan teknikal. Ya ini mungkin boleh kita bincang dengan pihak pengurusan lah. Kalau kata perlu makna kita segerakan seawalnya tahun 2009 mungkin dalam tempoh 2 tahun 2010 mungkin lah mungkin PPITM sesuai ni patut di diberikan apa ni sijil eh di memperolehi sijil ni sijil ISO 2770.

Harianti:

Bagi pendapat peribadi Encik Idris sendiri apakah aspek-aspek yang perlu diperbaiki dan jika terdapat kelemahan-kelemahan.

En. Idris:

Saya rasa dari segi aa apa ni audit yang yang dijalankan biasa mengenalpasti masalah itu adalah masalah tu ke ke aa dikatakan masalah tidak dapat melaksanakan beberapa apa ni langkah keselamatan contohnya kan. Perkara ni sebenarnya berkaitan dengan yang saya sebut tadi lah aspek kemahiran dan pengetahuan tadi eh itu perlu kita baiki dahulu. Yang lain adalah aspek apa ni pengurusan kerja dan bidang IT ni luas jadi kita lihat rangkaian sendiri perlukan apa ni pengkhususan kerja pelbagai kemahiran disitu yang kita akan di masa depan eh dapat menambahkan bukan sahaja kemahiran bilangan kakitangan lah bagi pengurusan kerja ni. Kerana mungkin seorang tidak mampu untuk melaksanakan satu satu tugas yang besar dibahagian apa ni rangkaian contohnya. Begitu juga bahagian lain lah bahagian pengurusan data yang

disebut tadi itu bahagian yang penting ya yang perlu ditambah kemahiran dan juga pengurusan kerja dengan bilangan kakitangan yang mencukupi lah itu mungkin yang kita ke arah tapi kita faham lah dengan saiz apa ni pelajar yang ada sekarang ni kita mungkin tidak mampu menambah bilangan kakitangan secepat mungkin. Kita harapkan universiti akan cepat berkembang lah dengan adanya perkembangan fizikal fasa 2 ni kita mungkin mencapai ke tahap 10,000 pelajar contohnya dengan itu mungkin kita boleh dapat tambahan kakitangan teknikal untuk melaksanakan beberapa perkara yang penting ya.

Harianti: Encik Idris nak tanya sikit pasal prioriti bagi bahagian teknologi maklumat. Bahagian pelajar dan staff dia punya prioriti lebih tinggi dari staff atau pelajar ataupun prioritinya balance?

En. Idris: Ya saya rasa kita takleh nafi lah bahawa sebagai universiti pelanggan utama kita pelajar jadi saya daripada awal lagi menempatkan sebilangan staf yang lebih kepada sistem atau unit aplikasi pelajar kerana ingin memastikan supaya segala sistem proses kerja tu dapat berjalan lancar. Itu tak boleh nafi lah. Jadi dari segi yang lain kita juga melihat tadi kepentingan untuk menyampaikan memberi perkhidmatan pembelajaran pengajaran di makmal contohnya ya jadi yang ini perlu kita beri penekanan lah. Jadi memang lah kite beri kelebihan kepada apa ni perkhidmatan yang ke arah akademik lah. Tapi dari segi aa ape nih unit aplikasi pentadbiran dan sebagainya kita juga memberi jugaklah ya keutamaan aa perhatian supaya segala rekod dan proses kerja dapat berjalan.

Harianti: Bagaimanakah perkembangan pembangunan ICT di kampus Nilai pada masa kini berbanding semasa di kampus-kampus sementara sebelum ini?

En. Idris: Cerita ni memanglah kalau kita nak bandingkan kita duduk di apa ni bermula dengan di UKM seingat saya memanglah waktu itu hanya satu pc je dimana pendaftar pinjam pc daripada pihak UKM dan kemudian bertambah lah pc tu diperolehi yang pertama dulu pendaftar pinjam. Tapi kemudian kita di IPB pun kita bermula pada tahun pertama yang saya ingat kita hanya ada 100 pc saja. Memang memang terhad lah dan juga rangkaian saya kata tadi hanya guna JLTN dengan kelajuan yang amat rendah lah pada waktu itu 64 KBPS KBPS maknanya terlalu kecil lah macam satu line dirumah saja. Mungkin pun sekarang line streamyx pun dah 1 MB (ketawa) tapi mencukupi pada waktu itu untuk dicapai lebih kurang 60 orang lah secara terus ye ke ke internet ye. Kemudian kalau kita nak banding juga perkembangan di kampus sementara di Pandan Indah walaupun dah berkembang daripada peringkat apa ni aa apa ni IPB ke tu maknanya rangkaian pun ditingkat 2 MB dan PC pun bertambah ke 500 unit ya yang saya ingatlah. Tapi tak boleh bandingkan lah bila kita melaksanakan projek ICT untuk kampus Nilai kita dapat bajet yang khusus jadi tentunya kalau kita nak bandingkan memang lah di kampus Nilai berkembang lah kita ada rangkaian kampus gigabit ya dan juga kita ada skrg ni apa wireless ya yang lebih menyeluruh ya 70% daripada bangunan dalam kampus kita diliputi rangkaian wireless lah utk dicapai oleh pelajar atau kakitangan. Hampir semua di bilik-bilik mesyuarat disediakan rangkaian wireless. Cuma dari segi gangguan operasi itu adalah dari semasa ke semasa kita tak nafi lah kita harapkan

masyarakat kampus bersabar lah kerana tidak ada satu satu sistem pun yang boleh menjamin lah perkhidmatan secara total tapi kita ke arah 24 kali 7 hari seminggu perkhidmatan rangkaian kita. Tapi dari segi yang lain saya rasa perkembangan dia memang pesat lah bila kita lihat daripada tiada apa-apa kepada sekarang ni kita ada aset yang bernilai lebih daripada 15 juta ke 20 juta jugak lah aset ICT ya. Itu yang iya untuk buat masa ini kita mungkin dalam usaha mengganti bekal yang lama lah kerana diam tak diam kita dah 8 tahun ya 9 tahun beroperasi tentunya ada aset-aset yang perlu kita lupuskan dan perlu kita ganti lah. Yang ini kita dalam usaha lah. Tapi secara keseluruhannya perkembangan ini sihat lah kerana kita telah ada rancangan pelan strategik yang kita sediakan dan juga kita memilih teknologi itu untuk membolehkan kita menggunakan sepenuhnya lah jadi contohnya kita ada apa ni aa teknologi selain daripada wireless ni kita ada teknologi apa ni aaa sekarang ni apa ni WAP eh banyak kita menggunakan WAP ya dalam mencapai maklumat kita dan juga kita ada teknologi yang lain adalah SMS ya banyak kita tak sedar sebenarnya kita menggunakan SMS secara ni lah apa ni berhemah lah juga lah kalau tidak saya rasa massive. Lagi kita ada teknologi SMS, kita ada teknologi penyampaian maklumat secara apa ni secara apa ni video ya melalui INFO USIM contoh yang terbaru ya kita ada projek ya bersama dengan PRO dan juga apa ni Pendaftar ya untuk melaksanakan ya penyampaian maklumat secara apa ni video ya bangunan dalam kampus ya. Itu antara perkara-perkara baru yang kita laksanakan dan kita juga ada CCTV seperti yang saya kata tadi dan kawalan pintu untuk meningkatkan kawalan keselamatan kampus lah. Ini

perkembangan-perkembangan baru di kampus Nilai ini lah yang tak ada dikampus sementara lah.

Harianti: Kita ke soalan terakhir Encik Idris ya. Secara peribadi apakah harapan Encik Idris kepada USIM dan Unit Teknologi Maklumat.

En. Idris: Tentunya apa ni harapan saya sama lah dengan harapan pihak pengurusan saya rasa kan untuk melihat USIM berkembang lah dan dikenali lah di peringkat antarabangsa lah. Untuk itu saya rasa banyak usaha perlu dijalankan lah dari segi promosi dan juga apa ni aa dan juga kerjasama dengan pihak-pihak luar terutama sekali dengan industri dan bagi PPITM sendiri kita sepatutnya boleh menyumbang lah perkara-perkara ini dalam ni dalam mempercepatkan proses apa ni memperkenalkan USIM ya kepada masyarakat antarabangsa lah. Jadi saluran dia ada iaitu internet lah itu satu saluran lah kalau kita dapat memanfaatkan saluran internet ni mungkin lah kita boleh secara agresif kan membuat promosi ya melalui internet ini memerlukan satu set skil yang khusus ya iaitu apa mengadakan satu pasukan ya yang khusus untuk melihat perkhidmatan WAP dan internet ya. Di mana di sini USIM masih lagi kurang la saya rasa dalam sudut tu ya. Dan kita walaupun dah 8 tahun kita hanya ada 2 orang sahaja yang mengkhusus kepada perkhidmatan tu. Di mana banyak boleh di digunakan oleh pihak universiti lah dalam membuat promosi dan saya rasa yang ini perlu kita lihat. Yang lainnya tentulah kita lihat kita harapkan aa apa ni aa apa ni dari segi sebagai sebuah universiti lah kita sepatutnya lebih ke arah aa ni universiti yang bergiat dalam bidang pendidikan dan juga pihak universiti dapat apa ni geran-geran ya untuk menghasilkan produk-produk bukan

sahaja produk-produk akademik, saya rasa produk-produk dalam ICT pun boleh ya kalau kita ada kerjasama lah dengan pelbagai peringkat fakulti ya saya rasa contohnya dalam fakulti pengajian, fakulti pengurusan dan fakulti FKP fakulti pengurusan dan kepimpinan banyak produk-produk yang boleh diusaha sama dengan ICT. Dan saya fahamlah akademik banyak produk-produk yang telah dilahirkan contohnya kita ada kaedah pembelajaran al-Quran menggunakan ICT. Kerana kita pun ada program-program akademik yang bergabung dengan teknologi ICT ni dan juga program-prgram kaunseling dan juga program sepagar yang boleh kita manfaatkan dan diharapkan USIM akan terus maju lah untuk menjadi sebuah universiti yang terbilang lah di masa depan. Itu sajalah. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

TAMAT

Copyright © 2014 Unit Pengurusan Ilmu, Perpustakaan USIM